

01 OCT 1999

SAID-Omar

M'SIA BERKONGSI PENGALAMANNYA DALAM BIDANG EKONOMI DI SAID '99

Oleh: Abdul Muin Abd Majid

VICTORIA FALLS (Zimbabwe), 1 Okt (Bernama) -- Malaysia akan berkongsi pengalaman mengenai peluang-peluang ekonominya dengan negara-negara Afrika pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID 99) ketiga mulai Ahad ini di sini.

Pengerusi eksekutif bersama kumpulan SAID 99, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman hari ini berkata bahawa ia adalah selaras tema dialog tahun ini iaitu "Peluang-peluang Ekonomi Menerusi Perkongsian Bijak".

"Ia amat penting bagi negara-negara peserta kerana mereka boleh bertukar-tukar ide mengenai cara menyediakan peluang-peluang untuk rakyat mereka supaya taraf ekonomi lebih baik bagi memenuhi kebebasan mereka," katanya kepada wartawan Malaysia di sini.

Dr Omar yang juga penasihat sains kepada Perdana Menteri berkata tiga sesi akan diberikan untuk membincangkan isu-isu berkaitan peluang-peluang ekonomi di sini dan Malaysia boleh membentangkan usaha-usahnya dalam menyediakan peluang-peluang ekonomi kepada rakyatnya terutama Bumiputera.

Ini termasuk Dasar Ekonomi Baru dan pelbagai program yang dilaksanakan oleh MARA.

Menurutnya delegasi Malaysia yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menghantar pasukan ekonominya yang membabitkan para pegawai kanan Mara dan Unit Penyelarasan Perlaksanaan di Jabatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir dan rombongan dijadual tiba di sini esok.

"Pasukan itu akan memberi taklimat kepada para peserta bagaimana peluang-peluang ekonomi di Malaysia dijalankan menerusi program yang dirancang rapi dan dasar-dasar melalui konsep rakan kongsi bijak antara kerajaan dan sektor swasta dan badan-badan lain yang berkaitan.

"Objektifnya ialah bagi membolehkan Malaysia menjadi model mereka, yang boleh diubahsuai bagi memenuhi kehendak negara-negara individu," katanya.

Omar berkata pasukan itu akan menggariskan cara mana peluang-peluang ekonomi dijalankan di Malaysia termasuk meningkatkan kemahiran, menyediakan peluang-peluang perniagaan, bantuan kewangan dan meneroka pasaran untuk produk mereka.

SAID '99 akan dirasmikan oleh Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe pada malam Ahad di Hotel Elephant Hills Intercontinental, resort yang menarik ramai pelancong yang tertarik dengan air terjun Victoria Falls setinggi 1.7km.

Di Victoria Falls, Sungai Zambezi yang terjun 100 meter ke gaung Zambezi membawa sehingga lima juta padu meter air terjun setiap minit. Air terjun itu di beri nama sedemikian oleh seorang penjelajah, David Livingstone pada tahun 1855.

Air terjun itu juga dikenali sebagai "Mosi oa Tunya" - atau Asap yang Gemuruh.

Dr Omar Said berkata Malaysia juga akan menghantar tiga anggota "pasukan pemulihan ekonomi" yang dianggotai timbalan gabenor Bank Negara Datuk Zeti Akhtar Aziz, pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Ali Kadir dan ketua Danaharta Azman Yahya.

Menurutnya mereka akan memberi taklimat kepada para delegasi mengenai langkah-langkah yang dilakukan oleh Malaysia bagi memulihkan ekonominya yang terjejas teruk akibat krisis kewangan Asia yang bermula pada tahun 1997.

Dialog tiga hari itu akan dihadiri oleh ketua-ketua negara dan kerajaan

14 anggota Masyarakat Pembangunan Afrika Selatan (SADC) iaitu Ghana, Uganda, Kenya dan Malaysia, Angola, Botswana, Congo, Seychelles, Afrika Selatan, Swaziland, Tanzania, Zambia dan Zimbabwe.

Dr Omar berkata salah satu daripada manfaat ketara SAID setakat ini ialah ketua-ketua kerajaan terbabit telah menjalin hubungan yang rapat antara satu sama lain dan boleh duduk semeja membincangkan perkara secara terus-terang.

"Jika ini boleh diikuti dengan lebih banyak aktiviti ekonomi, dialog itu akan membawa manfaat sebenarnya kepada rantau ini," katanya.

SAID pertama kali diadakan di Kasane, Botswana pada tahun 1997, diikuti kali kedua di Swakopmund, Namibia tahun lepas. Ia adalah model kepada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

SAID' 99 dianjurkan bersama oleh kerajaan, ahli perniagaan dan pemimpin buruh SADC dengan kerjasama Pengurusan Teknologi Rakankongsi Komanwel yang dipengerusikan oleh Dr Omar.

-- BERNAMA

MAM LAT